

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA UPACARA PEMBUKAAN RASMI JAMBATAN YANG
MENGHUBUNGKAN BUKIT BUNGA DAN BAN BUKETA
DI KELANTAN
21 DISEMBER 2007

Tuan Yang Terutama General Surayud Chulanont,
Perdana Menteri Thailand.

Thanpuying Chitravadee Chulanont;

Tuan-Tuan Yang Terutama, Tetamu Yang Di Hormati,

Tuan -Tuan dan Puan- Puan.

Perdana Menteri Surayud, saya amat gembira bertemu dengan Tuan Yang Terutama sekali lagi setelah kita baru berjumpa semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura baru-baru ini. Benarkan saya mengucapkan selamat datang kepada tuan, kepada isteri tuan dan kepada semua anggota Rombongan Thailand. Hari ini adalah satu hari yang sangat baik dan upacara ini adalah sungguh bermakna, lebih-lebih lagi kerana kita berkumpul betul-betul di atas sempadan yang dikongsi bersama oleh Malaysia dan Thailand.

2. Kita berada di sini pada hari ini untuk merasmikan satu projek yang amat simbolik, iaitu perasmian dan pembukaan sebuah jambatan yang menyambungkan Bukit Bunga dan Ban Buketa. Jambatan ini adalah benar-benar sebuah jambatan persahabatan apabila direnung dari beberapa sudut. Ianya adalah satu projek yang di tanggung bersama oleh Malaysia dan Thailand. Jambatan ini akan menyambungkan kedua belah tebing sungai ini yang juga merupakan sempadan bersama antara Malaysia dan Thailand. Jambatan ini akan memudahkan pergaulan dan merapatkan sillaturrahim antara rakyat Malaysia dan rakyat Thailand. Paling penting sekali, jambatan ini akan menyumbang ke arah pertumbuhan kegiatan-kegiatan ekonomi dan sosial untuk kebaikan bersama penduduk-penduduk kedua-dua belah sempadan.

3. Jambatan ini bukan jambatan biasa. Ianya adalah satu projek yang dirancang dan dikenalpasti di bawah Startegi Pembangunan Bersama kawasan sempadan yang di mulakan pada tahun 2004. Saya dengan gembiranya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pembinaan jambatan ini, khususnya Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Jabatan Lebuhraya Thailand, serta juga Jabatan-Jabatan lain yang turut membantu melaksanakan projek ini. Perdana Menteri Surayud dan saya telah bersetuju bahawa projek ini ialah satu projek yang perlu siap dalam tahun 2007. Saya percaya Perdana Menteri Surayud, seperti saya juga, adalah amat gembira dan berpuas-hati kerana apa yang telah dijanji telahpun dikota.

4. Di sebelah Malaysia, rakyat yang tinggal di Kelantan adalah yang akan menerima manfaat serta merta dan terus-menerus hasil pembukaan jambatan ini. Dan manfaat ini adalah amat sejajar dengan usaha dan hasrat Kerajaan Malaysia hendak membawa pembangunan pesat di Negeri Kelantan, termasuk pembangunan modal insan. Kelantan ialah sebuah daripada Negeri-Negeri yang termasuk dalam

perancangan pembangunan Kawasan Ekonomi Pantai Timur atau East Coast Economic Region. Saya yakin bahawa penghubungan tambahan ini antara Bukit Bunga dan Ban Buketa akan memperkukuhkan lagi hubungan baik dan erat yang sedia ada antara kedua-dua Negara dan antara kedua-dua masyarakat Malaysia dan masyarakat Thailand, khususnya antara penduduk-penduduk Kelantan dan Narathiwat.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

5. Strategi Pembangunan Bersama adalah bertujuan mewujudkan kerjasama antara Malaysia dan Thailand bagi membangun kawasan sempadan, termasuk pembangunan kemudahan-kemudahan pendidikan. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyatakan sekali lagi bahawa Kerajaan Malaysia berazam untuk menyumbang kearah pembangunan ekonomi penduduk-penduduk kawasan sempadan. Kita yakin bahawa apabila pembangunan telah tiba dan kemakmuran telah dikecapi oleh penduduk kawasan sempadan, khususnya penduduk-penduduk di wilayah-wilayah yang terletak di selatan Thailand, bukan sahaja Negara Thailand tetapi juga Malaysia akan menerima kebaikan daripadanya.

6. Usaha Malaysia bersabit dengan pembangunan kawasan sempadan adalah diambilkira juga dalam konsep koridor pembangunan. Negeri-Negeri Malaysia yang bersempadan dengan negara Thailand, iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan adalah termasuk dalam pelan pembangunan Koridor Ekonomi Wilayah Utara atau Northern Corridor Economic Region (N.C.E.R). Saya sukacita menjemput Thailand supaya melabur di koridor N.C.E.R, bukan sahaja untuk tujuan pembangunan kawasan sempadan tetapi juga dari segi pelaburan dua-hala dari Thailand. Saya yakin pelaburan seumpama itu dari pihak Thailand akan menambah interaksi antara bahagian utara Malaysia dan bahagian selatan Thailand di dalam pelbagai bidang ekonomi dan sosial.

7. Berkaitan dengan perkara ini, Kerajaan Malaysia adalah amat prihatin terhadap beberapa langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Thailand bagi memperkukuhkan perpaduan dan mendirikan keamanan dan kestabilan di selatan Thailand. Seperti yang telah saya nyatakan beberapa kali sebelum ini, Malaysia adalah bersedia memberi sokongan penuh dan berkerjasama dengan Kerajaan Thailand dalam usaha mereka mencari penyelesaian yang menyeluruh dan berkekalan bagi masalah-masalah yang ada di kawasan itu.

8. Sebagai penutup ucapan, saya ingin mengatakan bahawa saya akan menyimpan ingatan dan kenangan manis mengenai upacara hari ini yang sama-sama kami jayakan dengan Perdana Menteri Surayud. Kehadiran kita semua di sempadan Malaysia/Thailand ini, pada hari ini, nescaya akan menyedarkan rakyat kedua-dua negara kita bahawa hubungan antara Malaysia dan Thailand adalah amat rapat dan baik. Jambatan ini seharusnya menjadi lambang dan contoh untuk diguna bagi mengadakan usaha-sama mendirikan projek-projek infrastruktur di tempat lain di masa hadapan.

9. Selama 50 tahun, Malaysia dan Thailand telah hidup secara aman dan damai sebagai dua buah negara yang berjiran dan berkongsi sempadan. Kedua-dua pihak mestilah berazam untuk mengekalkan keadaan ini buat selama-lamanya.

Terima Kasih.